

IDB iktiraf kepakaran Malaysia

KUALA LUMPUR 29 Ogos - Pengalaman dan kepakaran Malaysia dalam memerangi gejala rasuah mendapat pengiktirafan Bank Pembangunan Islam (IDB).

Penasihat Penilaian Operasi dan Audit IDB, Bader Eddine Nouioua berkata, Malaysia merupakan antara negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang terkehadapan dalam usaha memerangi rasuah.

"Malaysia mempunyai sistem memerangi rasuah yang berkesan dan boleh dimanfaatkan oleh OIC," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam bengkel sempena Forum Pertama OIC mengenai Antirasuah dan Peningkatan Integriti di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Bengkel itu bertajuk Pelan Tindakan OIC Memerangi Rasuah.

Beliau berkata, OIC boleh menggunakan khidmat Malaysia bagi membantunya menubuhkan Sekretariat Tetap yang dicadangkan untuk memerangi rasuah di kalangan negara anggota.

"Memandangkan OIC bukanlah sebuah pertubuhan yang tersusun dan berpengalaman, maka kepakaran Malaysia itu boleh digunakan bagi menyusun sekretariat itu.

"OIC boleh meminta Malaysia menyediakan bantuan teknikal bagi menubuhkan sekretariat itu," katanya.

Sistem

Menurutnya, ini sejajar dengan Program Tindakan 10 Tahun OIC yang menyarankan tentang perlunya negara-negara OIC yang mempunyai sistem antirasuah membantu negara-negara sahabat yang masih ketinggalan dalam usaha itu.

Beliau juga mencadangkan supaya forum itu tidak sekadar mengeluarkan resolusi tetapi memberi tumpuan kepada tindakan-tindakan bagi menjayakan semua cadangan yang terkandung dalam Program Tindakan 10 tahun OIC.

"Negara-negara anggota OIC perlu mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai pengalaman negara-negara sahabat dalam memerangi rasuah supaya pengalaman mereka itu dapat diikuti," katanya.,

Sementara itu, Bangladesh mahu mencontohi Malaysia dalam memerangi rasuah dan yakin kedua-dua negara dapat berkongsi maklumat, kepakaran dan pengetahuan dalam bidang tersebut.

Pengerusi Suruhanjaya Antirasuah Bangladesh Hakim Sultan Hossain Khan berkata, beliau yakin kerjasama antara kedua-dua negara akan menjadi batu loncatan bagi membasmi rasuah dengan lebih berkesan di Bangladesh.

"Kami berpendapat kedua-dua negara mempunyai persamaan daripada segi amalan agama, pengalaman sejarah dan budaya," katanya.

Bangladesh boleh mempelajari pengalaman Malaysia, strategi, kaedah dan pengkhususan dalam membanteras rasuah, katanya.

Beliau berkata, mekanisme Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR) dalam meminimumkan kadar rasuah di Malaysia terbukti berkesan dan akan memanfaatkan negara itu.

Kajian Badan Ketelusan Antarabangsa (TI) tahun lalu meletakkan Bangladesh sebagai negara paling tinggi mengamalkan rasuah dan berada di tangga ke-158 iaitu kedudukan paling bawah dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dengan 1.7 mata.

Ditanya mengenai bentuk kerjasama yang sedang difikirkannya, beliau berkata, Bangladesh akan menghantar pegawai Suruhanjaya Anti Rasuah Bangladesh untuk mengikuti latihan di Akademi Antirasuah Malaysia (Maca) yang baru ditubuhkan.

Bangladesh, baru-baru ini melaksanakan langkah menjadikan Suruhanjaya Anti, Rasuah sebagai sebuah badan bebas.

Badan itu kini mempunyai kuasa melakukan pendakwaan tanpa sebarang halangan.